

BAB KEDUA

TINJAUAN KAJIAN LAMPAU

2.1 PENGENALAN

Dalam bab ini penyelidik berusaha membuat tinjauan perpustakaan sepenuhnya untuk mendapatkan hasil-hasil penyelidikan yang telah dibuat dan saranan-saranan yang telah dicadangkan sebelum ini oleh ahli-ahli sosiologi, para ilmuan, media massa dan sebagainya. Hasil-hasil penyelidikan yang diperolehi itu dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu :-

- a) Hasil-hasil penyelidikan tentang faktor-faktor salah laku di kalangan pelajar.
- b) Hasil-hasil penyelidikan tentang langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah sebagai strategi kawalan salah laku pelajar.

2.2 FAKTOR-FAKTOR SALAH LAKU DI KALANGAN PELAJAR

Ahli-ahli sosiologi dan para penyelidik terhadap masalah ini masing-masing mengemukakan pendapat yang berbeza mengapakah pelajar cenderung melanggar peraturan yang diadakan di sekolah. Kebanyakan pendapat menyatakan kegagalan pihak sekolah membentuk hubungan yang berkesan dengan pelajar menimbulkan sikap negatif pelajar terhadap sekolah. Perkara-perkara yang berlaku di luar sekolah seperti status sosial keluarga, kaum, darjah kecerdasan, keturunan, pendapatan dan sebagainya juga dikaitkan dengan punca masalah yang timbul di sekolah.

Dalam bab ini penyelidik membahagikan punca-punca itu kepada empat faktor iaitu faktor yang berpunca daripada sekolah, faktor yang berpunca daripada pelajar, faktor yang berpunca daripada keluarga dan faktor yang berpunca daripada persekitaran.

2.2.1 FAKTOR YANG BERPUNCA DARIPADA SEKOLAH

Pelopor sosiologi pada abad keempat belas iaitu Ibnu Khaldun dalam As Syekh Muhammad Abdul Khaliq Al Mahdi (1348H/1930M) menyatakan kekasaran dan kekerasan dalam pendidikan boleh menguasai jiwa pelajar dan mencegah perkembangan peribadi. Kekerasan menyebabkan kemalasan, penyelewengan, penipuan dan kelicikan untuk mengelak kekasaran ke atas fizikal. Kecenderungan-kecenderungan negatif ini akan menjadi kebiasaan yang boleh merosakkan sifat manusia yang dipupuk melalui perhubungan dalam pergaulan. Mereka merasa kecil dan tidak mahu berusaha menuju ke arah kemanusiaan yang lebih sempurna dan jatuh ke dalam golongan yang paling rendah.

Gragey (1970) berpendapat bahawa persekitaran persekolahan yang ketat kawalannya akan menimbulkan keadaan tidak berdisiplin kerana pelajar-pelajar akan menentang kawalan ketat ini dengan berbagai kelakuan yang kurang menyenangkan.

Rohaty dan T. Subahan (1993) menyatakan bahawa pelajar belajar melalui pemerhatian dan pembelajaran sosial. Aspek personaliti dapat dinilaikan oleh pelajar melalui tingkah laku dan sikap pendidik. Persepsi pelajar terhadap pendidik dirakamkan oleh pelajar sama ada persepsi itu menimbulkan sikap positif atau negatif terhadap pembelajaran.

Abd. Rahim (1987) menjelaskan bahawa terdapat banyak kelemahan guru terutama yang berlaku di dalam bilik darjah seperti masuk lewat beberapa minit, guru

tidak berupaya mengawal bilik darjah, pengajaran guru membosankan, sifat otokratik guru, guru tidak mengambil berat masalah-masalah murid, guru lebih banyak menceceh, berleter dan mengajar sesuatu yang tidak relevan dengan objektif pelajaran, kurang tumpuan untuk mengembangkan kemahiran-kemahiran tertentu, keadaan sebilangan murid dibiarkan (terabai) di bilik darjah dan sebagainya.

Syed Sajjad Husain dan Syed Ali Ashraf (1979) mendapati bahawa bukan hanya apa yang diajarkan oleh guru sahaja penting, tetapi apa yang dilakukan oleh guru seperti cara berurus, tingkah laku di dalam dan di luar kelas semuanya dinilai oleh pelajar. Selain daripada tingkah laku guru ini Syed Sajjad Husain dan Syed Ali Ashraf (1979) juga mengakui bahawa perubahan secara kuantitatif tentang saiz sekolah menjasakan pertalian atau interaksi antara guru dengan pelajar.

Thomas (1996) menyatakan bahawa faktor ekonomi dan materialistik menyebabkan kutukan dan ungkapan yang tidak baik terhadap guru dan profesionnya dan lebih teruk lagi ianya berlaku di kalangan guru itu sendiri. Situasi ini menunjukkan bahawa profesi ini tidak diyakini oleh guru sendiri. Akibatnya mereka tidak mengambil berat dengan pekerjaan mereka di sekolah dan boleh mempengaruhi tingkah laku pelajar ke arah negatif.

Perhubungan akrab antara guru dengan pelajar juga dapat mempengaruhi tingkah laku pelajar ke arah yang positif. Cervantes (1965) telah membuat kajian tentang hal ini dan keputusannya menunjukkan bahawa guru-guru yang setiap harinya menemui para pelajar yang berbagai keranah menjadikan mereka tidak berminat untuk menjalankan hubungan mereka dengan pelajar secara individu.

Omardin (1996) menyatakan keadaan fizikal bilik darjah yang terlalu panas dan sesak juga menggalakkan timbulnya permasalahan di kalangan pelajar. Begitu juga keadaan yang terlalu gelap dan cahaya yang tidak mencukupi akan menyebabkan pelajar rasa mengantuk dan sukar untuk memberikan tumpuan terhadap pelajaran.

Kesimpulannya ialah tingkah laku pelajar yang negatif ada kaitan dengan faktor yang berpunca daripada sekolah. Syed Sajjad Husain dan Syed Ali Ashraf (1979) serta Rohaty dan T. Subahan (1993) menyatakan bahawa tingkah laku guru yang negatif mempengaruhi tingkah laku pelajar ke arah negatif juga. Pelajar belajar melalui pemerhatian sosial iaitu mereka menilai tingkah laku semasa di dalam bilik darjah dan juag di luar bilik darjah. As Syekh Muhammad Abdul Khaliq Al Mahdi (1348H/1930M) dan Gragey (1970) menyatakan bahawa kekasaran dan kawalan tingkah laku yang terlalu ketat menyebabkan timbul reaksi pelajar menentang situasi ini. Penentangan ini pula boleh menimbulkan masalah kepada pihak sekolah dalam kawalan salah laku pelajar.

2.2.2 FAKTOR YANG BERPUNCA DARIPADA PELAJAR

Elthem Green Comprehensif School (1972) menyatakan bahawa di antara faktor kelakuan buruk seseorang pelajar itu ialah kerana mereka sendiri mengalami gangguan emosi yang ada kaitannya dengan kurang mendapat kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa, ketiadaan wang yang cukup untuk membeli keperluan persekolahan dan mungkin juga ibu bapa mereka sentiasa bergaduh. Tingkah laku mereka dipengaruhi oleh masalah yang mereka hadapi dan jika iaanya berlanjutan, akan mendorongkan mereka mencuri, menganggu ketenteraman, ponteng sekolah dan sebagainya.(Ghazali 1983).

Boyson (1973) tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa ketidakstabilan emosi pelajar akan menyebabkan mereka cenderung untuk melakukan perkara-perkara yang melanggar peraturan sekolah. Alasan beliau ialah pada zaman peperangan dunia dahulu, kehidupan adalah juga susah. Ketika itu emosi setiap manusia yang terlibat dengan peperangan juga tidak stabil. Tetapi pada masa itu ketidakstabilan emosi ini telah menjadikan disiplin hidup manusia lebih kuat. Dengan demikian ketidakstabilan emosi tidaklah boleh dijadikan alasan untuk menimbulkan masalah salah laku.

Duke (1980) menyatakan bahawa setiap individu bertanggungjawab di atas pelakuannya sendiri. Pelajar berkemungkinan melanggar peraturan sekolah kerana mengikut kehendak diri sendiri tanpa sebarang pengaruh luar. Mereka ini berkemungkinan tidak menyedari tindakan mereka semasa belajar atau semasa menjalankan aktiviti ko-kurikulum terdapat sesuatu perkara yang mereka timbulkan atau perbuatan yang mereka lakukan itu adalah salah.

Faktor diri sendiri ini mendapat persetujuan daripada Za'ba (1982) yang menegaskan bahawa perangai itu bergantung kepada diri sendiri. Seseorang yang sukakan kebaikan atau kejayaan akan berusaha ke arah apa yang dihajati dan disukainya. Ia tidak akan membiarkan seseorang itu bertawakkal tanpa berbuat apa-apa kerana ianya sesuatu tabiat yang selalu menjadikan seseorang itu jauh ketinggalan di belakang, menjatuhkan mutu kemanusiaannya dan merendahkan hal kehidupannya.

Setiap individu memiliki hati yang terdapat di dalam diri masing-masing. Hati memainkan peranan yang penting ke atas individu untuk menentukan sesuatu yang rasional dan relevan. Hati ini perlu dididik ke arah sesuatu yang positif agar ianya jinak dan sukakan kebenaran dan kebaikan seterusnya mengarahkan corak pemikiran yang

positif dan menghasilkan tingkah laku yang murni. Rasulullah s.a.w. memperingati umat baginda tentang kepentingan hati ini melalui sabda baginda yang bermaksud :-

*“ Ingatlah! Dalam jasad ada seketul daging. Apabila ia baik maka baiklah jasad keseluruhan, tetapi apabila ia rosak, maka rosaklah jasad keseluruhan. Ingatlah bahawa itu ialah hati” .
(Riwayat Bukhari dan Muslim).*

Maksud sabda Rasulullah s.a.w. ini ialah menekankan pendidikan ke atas hati oleh setiap individu ke arah yang positif. Seseorang yang baik hati sentiasa bersikiran positif dan bertindak secara rasional.

Kesimpulannya ialah tingkah laku negatif seseorang pelajar mempunyai kaitan dengan faktor yang berpunya daripada pelajar itu sendiri. Duke (1980) dan Za'ba (1982) menyatakan bahawa seseorang itu bertanggungjawab di atas tingkah laku mereka iaitu mereka mampu menentukan tingkah laku mereka sendiri ke arah yang positif atau negatif.

2.2.3 FAKTOR YANG BERPUNCA DARIPADA KELUARGA

Keluarga merupakan orang yang paling hampir dengan kehidupan anak-anak sehari-hari.

Rentak kehidupan anak-anak banyak dipengaruhi oleh ibu bapa sama ada menjadi orang yang baik atau sebaliknya. Di antara pelajar yang bermasalah di sekolah itu terdapat golongan pelajar yang berlatarbelakangkan daripada keluarga yang pincang dan hilang kasih sayang daripada ibu bapa. Mereka merupakan golongan pelajar yang kurang bernasib baik. Mereka kurang dorongan dan cita-cita untuk mengejar kejayaan dalam bidang akademik. Mereka dapati suasana di sekolah tidak menyenangkan. Hal ini mendorong mereka bertindak secara agresif.

Anak-anak dilahirkan dengan fitrahnya yang cenderungkan kepada kebaikan. Pendidikan awal yang bermula dari rumah mampu berperanan mencorakkan fitrah dengan persediaan dan keupayaan semulajadinya. Pendidikan yang baik memungkinkan perkembangan diri yang sihat. Begitu juga jika sebaliknya. Rasulullah s.a.w. bersabda dengan maksudnya :

“Tiap anak dilahirkan dalam (lingkungan) agama ini (Islam), sehingga lah lidahnya petah mengungkapkan (hakikat) dirinya. Oleh itu ibu bapalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Musyrik...”
 (Hadith Riwayat Ahmad).

Maksud sabda Rasulullah s.a.w. ini ialah pengaruh ibu bapa ke atas tingkah laku anak-anak adalah amat kuat. Ibu bapa perlu memberikan pendidikan yang positif kepada anak-anak untuk mendapatkan perkembangan diri yang sihat di kalangan anak-anak dan menghasilkan tingkah laku yang murni.

Bartol (1980) menyatakan bahawa sesetengah orang terpengaruh dengan faktor genetik atau keturunan dalam tingkah laku mereka. Ada di antara mereka yang telah

dilahirkan dengan sifat ganas dan anti sosial secara semulajadi. Beliau juga mempercayai bahawa tingkah laku jenayah seseorang bukan hanya tindak balas yang keluar disebabkan sesuatu tuntutan yang tidak dapat dipuaskan tetapi ianya juga dipengaruhi oleh faktor genetik.

Kajian Keciciran (1973) menunjukkan kemiskinan keluarga merupakan faktor pelajar-pelajar ini kurang berasib baik. Kemungkinan timbul perasaan tidak puas hati di atas tanggapan serta interaksi guru dengan mereka tidak sebaik yang diterima oleh pelajar yang berasib baik dengan kelengkapan sekolah dan pakaian kemas. Tekanan perasaan dan kongkongan yang dirasai oleh pelajar yang kurang berasib baik ini berkemungkinan menyebabkan mereka suka memberontak atau mendapatkan publisiti sebagai jalan keluar semasa berada di sekolah.

M. M. Omar (1988) telah membuat kajian di Kuwait tentang hubungan remaja dengan ibu bapa atau penjaga mereka. Antara masalah remaja lelaki dan masalah remaja perempuan yang dikaji adalah seperti berikut :-

1. Kesukaran untuk membincangkan permasalahan mereka dengan ibu bapa dan penjaga mereka.
2. Kesukaran untuk memberitahu ibu bapa dan penjaga mereka tentang apa yang mereka lakukan
3. Wujudnya jarak yang agak lebar antara jalan pemikiran mereka dengan jalan pemikiran ibu bapa dan penjaga mereka.

Bagi pendapat M. M. Omar (1988), masalah hubungan atau masalah komunikasi antara remaja dengan ibu bapa dan penjaga ini menyebabkan remaja yang sebahagian besarnya adalah pelajar tidak mengadukan permasalahan mereka untuk diselesaikan

bersama ibu bapa dan penjaga berbanding rakan sebaya mereka. Jika mereka membuat kesilapan dalam memilih rakan sama ada berkawan dengan penagih dadah, kutu lepak, gangster, atau kumpulan samseng, bohsia dan sebagainya berkemungkinan besar mengakibatkan kemusnahan akhlak golongan ini.

Durkheim dalam Morish (1970) menyatakan bahawa penyeliaan keluarga tidak cukup setakat mengenakan beberapa peraturan yang perlu diikuti dan dipatuhi sahaja. Ibu bapa harus membantu anak-anak supaya layak memasuki kegiatan masyarakat. Suasana dalam keluarga dapat mempengaruhi perkembangan emosi pelajar. Apabila struktur sesebuah keluarga yang mengalami keruntuhan, pelajar akan berperasaan tegang dan merasakan hidup mereka tidak selamat.

Omardin (1996) menyifatkan bahawa ibu bapa yang ramah-tamah, lemah-lembut tetapi tegas akan memberikan kesan pendidikan yang baik terhadap anak-anak. Jika ibu bapa berpendirian kasar, kejam dan bengis terhadap anak-anak, mereka akan mempunyai sikap agresif dan menceroboh. Oleh itu anak-anak mereka akan hilang pegangan hidup dan tidak yakin pada diri sendiri malahan hanya mentaati ibu bapa kerana terpaks. Omardin (1996) juga menyatakan bahawa pelajar daripada keluarga bermasalah seperti perceraian, pergaduhan dan tekanan emosi biasanya mengalami tekanan perasaan. Masalah ini boleh menyebabkan mereka melakukan tindakan agresif di sekolah untuk melepaskan emosi yang dihadapi mereka. Mereka juga sering bermuram dan sedih serta tidak dapat memberikan penumpuan terhadap pengajaran guru yang mengakibatkan mereka keciciran dalam pelajaran.

Berita Harian (11hb. Mac, 2000) mengemukakan pandangan Dr. Norhamimah Mohd. Salleh, Pakar Psikiatri Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra

lalaysia yang menyatakan bahawa jika sejak mengandung, janin sudah didedahkan pada rilaku ganas ibu bapa seperti pemarah dan panas baran, tidak mustahil kanak-kanak itu orang yang panas baran dan kuat meradang.

Kesiimpulannya, latar belakang keluarga pelajar mempengaruhi rentak kehidupan pelajar dan tingkah laku mereka. Pelajar yang berlatarbelakangkan keluarga yang baik akan bekerjasama berkemungkinan mempengaruhi mereka berkelakuan baik dengan tingkah laku yang menyenangkan, sebaliknya pelajar yang berlatarbelakangkan keluarga yang pincang berkemungkinan mempengaruhi mereka berkelakuan buruk dengan tingkah laku yang tidak menyenangkan dan bertindak secara agresif.

.2.4 FAKTOR YANG BERPUNCA DARIPADA PERSEKITARAN

Masyarakat Malaysia mengalami proses modenisasi daripada satu peringkat kepada satu peringkat yang lain. Proses ini memaksa anggota masyarakat berubah dan apabila ianya telah diterima atau diamalkan, amat sukar untuk keluar daripadanya walaupun terkadang ia boleh mengatur hidup masyarakat dan mencabar nilai-nilai yang sedia ada. Anwar Ibrahim (1988) menegaskan bahawa krisis sosial dan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat secara meluas ini sebenarnya berpunca daripada lunturnya keyakinan agama sebagai pegangan dan panduan tetap bagi masyarakat. Pendidikan sekular Barat berjaya mencabar kekuatan hidup beragama dalam keadaan umat yang lemah dan lesu terhadap agama. Ianya seperti mengheret masyarakat ke lembah kehancuran kerana pendidikan sekular Barat gagal mengemukakan garis panduan yang baru dalam mengatur dasar tingkah laku yang sempurna atau *akhlik* yang teguh.

Dunia pelajar di sekolah menengah adalah dunia remaja yang mendesak mereka berubah atau menerima sesuatu nilai atau gaya hidup yang diiktiraf. Kebiasaannya mereka lebih cenderung kepada pengiktirafan rakan-rakan daripada pengiktirafan guru atau ibu bapa. Mereka akan menentukan cara mereka berpakaian, mengur kawan semasa berjumpa dan tingkah laku mereka sendiri. Gaya atau tingkah laku ini yang biasanya menjadi ikutan mereka adalah gaya hidup glamour dan dikatakan *up to date*.

Mohd. Yusuf (1993) menyatakan bahawa pelajar lebih suka meniru gaya dan tingkah laku bintang-bintang pujaan mereka sama ada bintang muzik atau bintang sukan. Mata dan telinga pelajar sentiasa disogok dengan gaya dan tingkah laku bintang-bintang ini sehingga membangkitkan aspirasi mereka untuk mengikut gaya dan tingkah laku bintang mereka. Bintang-bintang ini mendapat perhatian dan penghargaan yang tinggi dalam masyarakat berbanding para ilmuwan atau guru. Bintang-bintang tidak perlu berhempas-pulas belajar hingga ke menara gading untuk menjadi glamour dan disanjungi. Mereka juga sering didampingi dan diraikan oleh pemimpin-pemimpin negara dalam majlis-majlis mereka. Hal-hal ini mendapat perhatian pelajar. Mengikut persepsi pelajar, mereka tidak perlu belajar bersungguh-sungguh untuk hidup lebih glamour. Cukup dengan mengikut rentak para bintang atau memenangi kejohanan-kejohanan sukan peringkat sekolah atau lebih luas lagi.

Bagi Mohd. Yusuf (1993), situasi ini menyebabkan guru bukan lagi menjadi model yang perlu diikuti dan didengari segala tunjuk ajar mereka. Guru juga bukan lagi insan yang boleh dijadikan sumber inspirasi kerana guru tidak boleh menjanjikan apa-apa seperti bintang yang ditonjolkan oleh media massa. Tidak hairanlah hari ini didapati pelajar kurang menghormati dan kurang menghargai jasa guru. Akibatnya kedatangan

pelajar ke sekolah bukan sahaja membosankan dan menjemukan malahan tidak terdapat sesuatu yang boleh memotivasi mereka untuk belajar.

Titus (1953) menekankan bahawa pendidikan telah memisahkan dirinya daripada warisan pada zaman silam tetapi gagal menyediakan satu pengertian yang memuaskan. Akibatnya orang yang terpelajar sendiri kehilangan pendirian dan keyakinan atau nilai di samping tidak mempunyai satu pandangan duniawi yang menyeluruh.

Benedict (1934) dalam Nielsen (1987) menyatakan bahawa:-

“... how children are socialized has an impact on how they think and behave when they become adolescents.”

Omardin (1996) membahagikan faktor persekitaran yang mempengaruhi tingkah laku pelajar ini kepada dua komponen besar iaitu persekitaran fizikal dan persekitaran psikologi. Persekitaran fizikal seperti rumah dan bilik darjah yang gelap boleh membosankan pelajar. Tingkah laku yang tidak sihat biasanya berpunca daripada keperluan asas yang tidak dapat dipuaskan. Keperluan asas bagi manusia merupakan keperluan fisiologi seperti makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan alam sekitar yang selesa.

Pelajar merupakan generasi yang mudah dipengaruhi oleh golongan yang tidak bertanggungjawab bagi kepentingan diri mereka sendiri. Pengaruh luaran seperti budaya lepak di pusat-pusat pasar raya menyebabkan pelajar sering ponteng kelas, kurang berusaha untuk belajar dan melakukan tingkah laku negatif dalam bilik darjah. Pergaulan pelajar dengan golongan belia atau orang lebih tua daripada mereka yang negatif sering menjerumuskan mereka ke dalam kegiatan yang kurang sihat. Peradaban yang sopan juga turut musnah daripada jiwa pelajar apabila mereka mendapati keadaan dan nilai sosial yang berlainan dalam persekitaran psikososial mereka. Semua ini mengakibatkan kesan

negatif terhadap tingkah laku pelajar terutamanya ketika mengikuti aktiviti pembelajaran dan pengajaran di sekolah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1979) menyatakan bahawa murid-murid sekolah dan golongan muda-mudi amat mudah terpengaruh oleh apa yang dilihat dan didengarnya. Dalam hubungan ini mass-media menjadi satu sumber pengaruh yang kuat. Sungguhpun pengaruh luar itu tidak kesemuanya buruk, adalah diperakukan langkah-langkah hendaklah diambil agar murid-murid sekolah tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir kebudayaan luar yang kurang sihat.

Kesimpulannya, ahli-ahli sosiologi yang penyelidik dapat bersepakat mengesahkan bahawa faktor persekitaran boleh mempengaruhi gaya hidup serta tingkah laku seseorang pelajar. Pelajar kebiasaannya akan mengambil suatu gaya hidup atau tingkah laku semasa yang diiktirafi oleh rakan-rakan mereka sendiri.

2.3 STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU PELAJAR

Sekolah mempunyai banyak pilihan dalam strategi kawalan salah laku pelajar. Pihak sekolah boleh mengambil saranan-saranan yang sedia ada melalui tatacara berkaitan dengan disiplin pelajar oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan peraturan-peraturan yang sedia ada di sekolah atau terus menggunakan kaedah-kaedah semasa yang dibina sendiri oleh pihak sekolah yang mereka dapat ianya bersesuaian dengan sekolah mereka. Saranan-saranan yang penyelidik kemukakan dalam bahagian ini bukan sebagai

angkah-langkah mengatasi masalah salah laku pelajar secara langsung tetapi ianya langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah untuk mengawal tingkah laku pelajar mereka.

Di antara strategi yang boleh diambil dan diamalkan oleh pihak sekolah untuk mengawal salah laku pelajar mereka ialah seperti berikut :-

2.3.1 MELANTIK PENGAWAS DI KALANGAN PELAJAR.

Hampir semua sekolah di Malaysia menggunakan perkhidmatan pengawas untuk mengawasi tingkah laku pelajar di sekolah. Pelajar yang dilantik menjadi pengawas ini dipilih daripada kalangan pelajar yang berkebolehan dalam bidang akademik dan tingkah laku yang terpuji. Mereka juga merupakan harapan sekolah untuk memberikan teladan kepada pelajar lain di samping mengawal keadaan serta memastikan peraturan sekolah dipatuhi. Pada pendapat Renolds (1977), pengawas merupakan wakil kepada pengetua dalam mengawasi undang-undang dan peraturan sekolah agar ianya dipatuhi oleh pelajar. Kewujudan mereka boleh mengurangkan jumlah pelajar yang nakal tetapi tidak mampu mencegah salah laku pelajar di sekolah.

Ghazali (1983) menyatakan bahawa kecenderungan pihak sekolah menggunakan perkhidmatan pengawas ini kerana ianya merupakan perkhidmatan secara percuma (tanpa bayaran) dan ianya mendatangkan kesan dalam membendung perbuatan-perbuatan salah laku pelajar yang bermasalah. Namun begitu mereka ini bukanlah pencegah salah laku pelajar yang berkesan sepenuhnya. Dengan adanya pengawas ini pelajar tidak sanggup berbuat nakal dan dihukum.

Kepentingan wujudnya satu golongan yang berperanan menjadi role-model mengajak ke arah kebaikan dan mencegah keburukan jelas dipaparkan oleh Al-Qur'an melalui firman Allah yang bermaksud :

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada ma'ruf dan mencegah dari yang munkar..." (Ali-Imran 104).

Maksud firman Allah ini mengutamakan agar umat manusia melaksanakan tugas menyeru dan membimbing sesama manusia kepada kebaikan dan kebajikan dan serentak dengan itu mereka juga hendaklah menghalang sesama manusia daripada melakukan perkara-perkara yang negatif terutama perkara-perkara yang melanggar ketentuan-ketentuan Allah. Manusia yang mengambil tugas ini hendaklah terlebih dahulu mengamalkan tingkah laku yang baik dengan nilai-nilai murni kerana mereka adalah role-model kepada golongan yang lain.

2.3.2 MENGENAKAN HUKUMAN DERA (CORPRAL PUNISHMENT)

Cara yang senang dan diminati oleh guru ialah mengenakan hukuman deraan ke atas pelajar bersalah. Jenis deraan yang paling popular ialah merotan. Tindakan merotan pelajar yang terlibat dengan salah laku biasanya dikenakan tanpa mengira kategori kesalahan yang mereka lakukan sehingga kerajaan membuat peraturan untuk memberikan kuasa merotan ini kepada pengetua/guru besar dan guru-guru yang diberikan kuasa merotan oleh mereka (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1959).

Kementerian Pendidikan Malaysia (1983) menjelaskan bahawa hukuman dera atau rotan adalah sangat berguna dan berkesan apabila dijalankan sebaik sahaja sesuatu

salah laku itu dilakukan oleh murid. Namun begitu ianya hendaklah dibuat setelah sesuatu salah laku itu telah dapat disahkan.

Bagi pendapat Laslett dan Smith (1984), langkah ini boleh diambil sekiranya usaha-usaha yang positif tidak mendatangkan hasil tetapi perlu diingatkan kemungkinan ianya memberikan kesan sampingan selepas itu kerana melibatkan deraan fizikal. Walaupun langkah ini segera memberikan perubahan, kadang-kadang ianya mendorong pelajar semakin bermasalah dengan cuba mengelakkan diri daripada tertangkap. Tambahan pula mereka ini berani berbohong dan tidak tampil untuk dibicarakan.

Menurut Wilson (1971), hukuman adalah sesuai dijalankan dalam institusi lain kerana ianya bercorak sosial iaitu menjaga kepentingan orang ramai. Sebaliknya di sekolah walaupun ianya merupakan kelompok sosial, ia mengandungi ciri-ciri moral yang perlu mendapatkan persetujuan timbal-balik (*mutual agreement*) tentang beberapa nilai dalaman (*intrinsic value*) untuk hidup bersama dalam suasana yang aman dan harmoni dengan teratur. Ganjaran yang diberikan atau hukuman yang dikenakan hendaklah berbentuk pendidikan.

Pendapat lain yang dikemukakan oleh Boyson (1973) yang merumuskan bahawa hukuman merotan itu berkesan digunakan jika setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar berkenaan. Jika ianya dirasakan oleh pelajar tidak setimpal atau tidak adil, mereka berkecimpungkinan bertindak balas terhadap sekolah secara negatif. Dengan ini pelajar yang akan dirotan itu hendaklah diyakinkan bahawa hukuman itu adalah tindakan yang sewajarnya diterima dengan kesalahan yang dilakukan agar mereka rela dan bersetuju ianya dijalankan ke atas mereka.

Pendidikan Islam mencadangkan pendekatan deraan fizikal ini setelah gagal dengan berbagai pendekatan lain seperti mengajar, memaparkan contoh teladan, menasihati dan menegur pelajar atau anak didik. Hal ini telah dikemukakan oleh Rasulullah s. a. w melalui sabda baginda yang bermaksud ;

“Suruhlah anak-anak kamu menunaikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka (kerana enggan solat) apabila umur mereka sepuluh tahun”.
 (Riwayat Abu Daud).

Penekanan yang diberikan oleh maksud sabda Rasulullah s.a.w. ini adalah hukuman dera boleh dilakukan terhadap anak-anak setelah mendapat tunjuk ajar yang baik, anak -anak yang menjangkau usia 10 tahun, tidak melaksanakan kewajipan mereka setelah disuruh dan diberikan didikan dalam tempoh yang lama iaitu 3 tahun.

Ahmad Shalaby (1976) menggariskan tiga fakta penting sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan deraan fizikal. Fakta-fakta itu adalah seperti berikut :-

- a) Hukuman fizikal hanya boleh dilakukan terhadap anak yang telah berusia sepuluh tahun, dan belum mencapai usia remaja.
- b) Guru dapat menggunakan hukuman fizikal itu dalam keadaan yang sangat perlu, akan tetapi jangan pula hukuman jenis ini selalu digunakan.
- c) Pukulan tersebut hendaklah dengan cabuk yang lembik dan tidak menimbulkan kecederaan fizikal.

Kesimpulannya, Laslett dan Smith (1984) dan Ahmad Shalaby (1976) bersetuju bahawa hukuman yang melibatkan deraan terhadap fizikal boleh digunakan dalam keadaan yang sangat perlu setelah usaha-usaha positif yang lain tidak mendatangkan hasil.

2.3.3 MEMBUAT PERJANJIAN TIDAK AKAN MENIMBULKAN KONFLIK DI ANTARA PELAJAR DENGAN SEKOLAH

Cara yang ketiga ialah pihak sekolah boleh membentuk satu perjanjian antara pelajar dengan sekolah. Perjanjian ini bertujuan mendapatkan kerjasama dan persefahaman daripada pelajar dengan pihak sekolah. Mengikut Renolds (1977), perjanjian ini adalah perjanjian rasmi. Pelajar-pelajar diminta berjanji tidak akan melakukan sesuatu tingkah laku yang boleh menimbulkan konflik dalam sekolah itu. Perjanjian ini membawa kesan positif kepada guru kerana mereka tidak perlu bersangkaan buruk terhadap pelajar dan meringankan tanggungjawab mereka. Kedua-dua belah pihak bebas bersuara, bertindak dan saling mempercayai kerana semua peraturan telah dipersetujui bersama untuk dipatuhi.

Perjanjian rasmi ini bagi Ghazali (1983) adalah amat sesuai diadakan terutama untuk menguatkuasakan peraturan yang rumit seperti larangan merokok dan salah laku buruk ketika berada di luar kawasan sekolah.

Renolds (1977) dan Ghazali (1983) menyatakan bahawa perjanjian tidak akan menimbulkan konflik di antara pelajar dengan sekolah yang dibuat secara rasmi diantara pihak pelajar dengan pihak sekolah adalah berkesan dan amat sesuai tertuma untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan yang rumit. Perjanjian ini juga memberikan kesan positif keoada kedua-dua belah pihak iaitu pihak sekolah pihak pelajar dan pihak sekolah kerana kedua-duanya terikat dengan perjanjian yang dibuat bersama dan dipersetujui bersama.

2.3.4 MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN AHLI PSIKOLOGI

Pelajar di sekolah perlukan bimbingan untuk mereka mengorak langkah yang betul membina masa depan mereka. Pelajar yang pintar, cemerlang dan tidak bermasalah diberikan bimbingan tertentu yang selari dengan kebolehan mereka untuk mereka terus maju dalam pelajaran dan dapat memanfaatkan ilmu yang dipelajari sepenuhnya dengan jaya serta minat. Pelajar yang mengalami masalah terutama masalah jiwa lebih memerlukan pertolongan dan perhatian ahli psikologi berbanding dengan pelajar yang pertama tadi. Pertolongan ini menurut pendapat Renolds (1977) adalah amat perlu oleh pelajar tetapi kebanyakan sekolah mengabaikannya.

Kebanyakan sekolah mempunyai guru kaunseling atau unit Bimbingan Dan Kaunseling tetapi amat kurang sekolah yang mempunyai ahli psikologi yang khusus, terlatih dan tersendiri untuk menguruskan para pelajar bermasalah.

Sehubungan dengan ini, pendidikan Islam mengajarkan kepada sesiapa yang memiliki keistimewaan atau kemahiran tertentu agar dapat dimanfaatkan oleh masyarakat kerana keistimewaan atau kemahiran itu adalah kurniaan Allah untuk kepentingan umum. Dalam konteks pendidikan, guru ataupun ahli psikologi merupakan orang yang memiliki keistimewaan atau kemahiran berbandingkan dengan pelajar. Dengan ini mereka sepatutnya memberikan bimbingan kepada pelajar dengan cara yang baik. Firman Allah Ta’ala yang bermaksud :

“Dengan rahmat Allah kepadamu itu maka engkau berlemah-lembutlah menghadapi mereka. Seandainya hatimu keras dan (sikapmu) kasar nescaya mereka buhar dari seketilingmu”.
(Ali- Imran 159).

Berdasarkan maksud ayat 159 surah Ali Imran ini, pelajar memerlukan bimbingan dan layanan yang baik daripada guru. Jika mereka tidak menerima layanan yang baik, mereka akan menimbulkan masalah kepada guru dan sekolah.

Perkhidmatan bimbingan telah lama bermula di sekolah. Bagi manja (1970), perkhidmatan ini bermula secara formal di sekolah pada tahun 1963 di mana satu sesi Bimbingan Sekolah di Bahagian Pembangunan Penyelidikan dan Perancangan Pelajaran (EPRD) ditubuhkan di Kementerian Pelajaran. Walaupun perkembangannya menggalakkan, keraguan dan kesangsian timbul di kalangan pelajar terhadap perkhidmatan ini. Pengaduan pelajar tentang masalah mereka kepada guru kaunselor dianggap sebagai membuka rahsia peribadi atau rahsia keluarga yang tidak wajar diberitahu kepada orang lain. Mereka meragui kerahsiaan dalam kaunseling.

Walaupun Manja (1970) menyatakan bahawa perkhidmatan ahli psikologi bagi pelajar di sekolah adalah menimbulkan kesangsian di kalangan pelajar kerana dianggap membuka rahsia peribadi atau rahsia keluarga, Redolds (1977) menegaskan bahawa perkhidmatan ahli psikologi ini amat perlu bagi pelajar di sekolah terutama pelajar yang mengalami masalah jiwa.

2.3.5 MEMBUAT PENYELIDIKAN KE ATAS SEBAB TIMBULNYA REAKSI

PELAJAR

Reaksi negatif yang lahir daripada pelajar sepatutnya membuka mata pihak sekolah untuk menyelidiki punca-punca yang mendorong ianya berlaku dan memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam pentadbiran atau memperbaiki hubungan dengan pelajar atau sebagainya.

Boyson (1973) menyatakan bahawa aspek yang perlu diselidiki ialah kekuatan disiplin pada sesuatu masa tertentu, sebab disiplin itu kuat atau lemah, berkesan atau tidak strategi kawalan salah laku pelajar pada masa itu, dan selanjutnya menggantikan strategi kawalan yang tidak berkesan dengan strategi lain yang lebih berkesan

Ghazali (1983) menyatakan bahawa penyelidikan ini akan membolehkan pihak sekolah merancang strategi lain yang dijangkakan lebih berkesan seperti mengadakan perundingan dengan pelajar yang terlibat dan mencari persefahaman di antara guru dengan pelajar.

Boyson (1973) dan Ghazali (1983) bersepakat menyatakan bahawa penyelidikan ke atas sebab-sebab timbulnya reaksi pelajar oleh pihak sekolah memudahkan pihak sekolah mengesan punca-punca sesuatu reaksi yang pelajar timbulkan dan pihak sekolah dapat membaiki kelemahan-kelemahan dengan strategi kawalan salah laku yang lebih berkesan.

2.3.6 MELIBATKAN PELAJAR MERANGKA PERATURAN SEKOLAH

Salah satu daripada langkah memperbaiki tingkah laku pelajar yang boleh dilaksanakan oleh sekolah ialah melibatkan pelajar itu sendiri membantu merangka peraturan sekolah. Langkah ini memberikan peluang kepada pelajar menyatakan sendiri peraturan-peraturan yang mereka fahami dan, atau dirasai tidak wajar. Penglibatan pelajar dalam pembinaan peraturan sekolah berupaya membantu mereka membentuk diri sendiri dan mengarahkannya pula bertanggungjawab. Amalan ini menggalakkan pelajar mengekalkan tingkah laku yang diharapkan dengan mengikuti peraturan sekolah yang mereka bina sendiri.

Para pelajar adalah generasi muda yang suka bekerja bersama-sama dalam kumpulan. Generasi ini bagi De Bono (1996) ialah bertujuan mencari sesuatu bidang bagi mendapatkan satu perasaan penglibatan, pencapaian, sumbangan dan tanggungjawab. Mereka dapati melakukan sesuatu sama seronok seperti menghabiskan masa dengan duduk berbual sahaja. Satu kajian yang telah diadakan di Amerika Syarikat dan telah dikemukakan oleh De Bono mendapati 74.0% daripada generasi muda mengatakan bahawa perasaan berjaya mencapai sesuatu adalah aspek penting dalam kehidupan mereka. Bagi generasi muda ini, revolusi bukan sahaja satu matlamat hidup tetapi satu bentuk aktiviti dan hiburan, tetapi mereka perlu didorong ke arah melakukan revolusi positif.

Kebanyakan sekolah di Malaysia tidak mempraktikkan peraturan sekolah yang dibina bersama di antara pihak sekolah dengan pelajar. Dalam hal ini, pihak sekolah mungkin menganggapnya remeh kerana mengambil kira faktor usia pelajar yang tidak setanding dengan mereka atau merumitkan kerana melibatkan banyak golongan untuk

membuat sesuatu keputusan. Pelajar itu pula bagi Syarifah Alwiah (1985) mempunyai organisasinya sendiri iaitu Ketua Pelajar, Ketua Pengawas, Pengawas, Pengawas Latihan, Parlimen Pelajar, Mahkamah Pelajar, dan sebagainya. Organisasi ini perlu diambil kira dalam pembinaan peraturan sekolah dan keputusan yang hendak dibuat.

Penglibatan pihak sekolah dan pelajar dalam membina peraturan sekolah ini mewujudkan hubungan yang erat di antara kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar bahkan mempunyai kepentingan serta faedah bersama. Stephan (1989) menggambarkan bahawa situasi ini sebagai komunikasi sinergistik iaitu membuka minda, hati dan ekspresi kepada kemungkinan baru, alternatif baru dan pilihan baru. Ia merupakan suatu percubaan kreatif yang sukar dijangkakan. Percubaan ini seakan-akan menyangsikan, kurang tepat dan bersifat menduga dan sesetengah orang rasa takut dan tidak suka dilibatkan dalam usaha yang sangat kreatif. Mereka terlalu memerlukan struktur ketentuan dan kebolehramalan.

Stephan (1989) dan Syarifah Alwiah (1985) menyatakan bahawa melibatkan pelajar merangka peraturan sekolah adalah penglibatan yang rumit dan bersifat mencabar, tetapi kajian De Bono (1996) mendapati generasi muda (pelajar) menyatakan bahawa perasaan berjaya mencapai sesuatu adalah aspek penting dalam kehidupan mereka. Mereka akan lebih mengagumi dan lebih menghormati peraturan sekolah yang mereka rangka sendiri untuk dipatuhi oleh mereka sendiri.

2.3.7 MELIBATKAN IBU BAPA DALAM AKTIVITI SEKOLAH TERUTAMA

PENCEGAHAN SALAH LAKU PELAJAR

Ghazali (1983) menyarankan agar pihak sekolah berusaha menjadikan ibu bapa pelajar mahu melibatkan diri dalam segala kegiatan persatuan yang diadakan di sekolah. Mereka patut dijemput menyertai kegiatan persatuan yang diadakan di sekolah. Melalui penglibatan ini, ibu bapa akan dapat mengenali sekolah anak mereka, dan seterusnya akan memberi pertolongan dalam memajukan segala kegiatan sekolah itu.

Boyson (1973) berpendapat, melalui cara ini masalah salah laku pelajar yang dihadapi oleh pihak sekolah itu akan berkurangan. Salah faham ibu bapa terhadap sekolah akan dapat dihindarkan. Pelajar pula akan mendapati segala kegiatan dan tingkah laku mereka diawasi daripada dua penjuru iaitu sekolah dan rumah.

Duke (1980) mempercayai bahawa penglibatan ibu bapa mempunyai peranan rapat dengan pencapaian baik dalam akademik dan tingkah laku pelajar. Duke mengemukakan lima cadangan yang boleh diambil oleh pihak sekolah iaitu :-

- a) Ibu bapa dilibatkan bersama dengan guru dalam menggubalkan peraturan sekolah,
- b) Membuat laporan tahunan kepada ibu bapa tentang peraturan sekolah yang dipersetujui bersama secara bertulis,
- c) Memberikan pendidikan kepada ibu bapa tentang cara-cara pengajaran dan perkembangan tingkah laku anak-anak mengikut usia mereka.
- d) Memaklumkan kepada ibu bapa permasalahan anak-anak mereka dengan segera.

- e) Ibu bapa dijemput dan diminta bertindak menasihati atau menghukum anak mereka yang bersalah untuk menyelesaikan permasalahan salah laku anak-anak mereka.

Dalam mewujudkan dan mengembangkan tahap kepatuhan pelajar kepada peraturan sekolah, penglibatan ibu bapa secara aktif adalah diperlukan. Hubungan yang rapat di antara sekolah dengan rumah dan hubungan rapat di antara sekolah dengan masyarakat membolehkan wujudnya hubungan timbal balik antara guru dengan ibu bapa. Kementerian Pelajaran Malaysia (1979) telah mensyaratkan penubuhan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) untuk menjalankan hubungan yang aktif di antara guru dengan ibu bapa secara terancang. Dengan terjalannya hubungan ini maka ibu bapa akan memahami kedudukan pelajar di sekolah dan guru pula akan memahami kedudukan pelajar di rumah. Hasilnya kedua-dua belah pihak dapat berusaha untuk mengatasi masalah pelajar secara bersama dan lebih berkesan.

Kajian bersama yang dilakukan oleh Pamela (et.al. 1992) merumuskan bahawa tindakan pencegahan salah laku pelajar daripada ibu bapa terhadap anak mereka adalah penting untuk mewujudkan sekolah yang cemerlang. Sekiranya ibu bapa bekerjasama dengan guru dalam pencegahan ini, pelajar akan lebih maju di sekolah.

Duke (1980) dan kajian bersama oleh Pamela (et. al. 1992) menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah terutama pencegahan salah laku pelajar boleh menghasilkan pencapaian pelajar yang lebih baik dalam tingkah laku dan akademik mereka. Boyson (1973) pula menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah terutama pencegahan salah laku pelajar bukan sahaja mewujudkan hubungan

harmoni di antara pihak sekolah dengan ibu bapa bahkan ianya dapat mengawal tingkah laku pelajar kerana pelajar akan dapati segala tingkah laku mereka diawasi daripada dua penjuru iaitu sekolah dan rumah.

2.3.8 PROSES PENGAJARAN PEMBELAJARAN YANG BERKESAN

Salah satu daripada cara untuk menarik minat pelajar mengikuti pelajaran mereka di sekolah ialah melalui penyampaian pelajaran dengan baik dan berkesan. Cara ini memberikan keselesaan kepada pelajar semasa berada di sekolah terutama dalam bilik darjah atau semasa belajar. Dalam pengurusan bilik darjah Laslett dan Smith (1984) telah mengemukakan empat prosedur pengurusan bilik darjah seperti berikut :-

- a) Prosedur berinteraksi secara langsung antara guru dengan pelajar di dalam kelas.
- b) Prosedur meninggalkan pelajar.
- c) Prosedur semasa mengajar.
- d) Prosedur hubungan baik antara guru dengan pelajar.

Kawalan kelas yang sempurna adalah antara faktor penting dalam proses pembelajaran di sekolah. Abd. Main (1994) menentukan bahawa dalam kelas itu terdapat kawasan tertentu yang dikenali sebagai kawasan aktif atau giat dan kawasan pasif atau senyap. Guru yang berpengalaman akan peka dan sentiasa menumpukan perhatian kepada pelajar yang berada di kawasan pasif. Di antara kaedah yang dikemukakan beliau untuk melibatkan pelajar secara aktif semasa pengajaran dan pembelajaran ialah dengan guru itu sendiri menukar kedudukannya ketika mengajar. Jika kebiasaannya guru

mengajar di depan kelas dan pelajar mengadap papan tulis, guru boleh cuba mengajar dari belakang pula.

Dalam hal ini Clarizio (1971) berpendapat bahawa pengajaran yang menarik belum lagi memadai untuk menghapuskan tingkah laku pelajar yang negatif. Seseorang guru patut memiliki *interpersonal skill*, iaitu kebolehan dan kemahiran dalam membina hubungan yang berkesan dalam pembinaan tingkah laku yang lebih baik di kalangan pelajar.

Bagi mencapai proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, Clarizio (1970) berpendapat bahawa guru-guru perlu memiliki kemahiran pengurusan bilik darjah dan Abd. Main (1994) pula menyatakan bahawa guru perlu melibatkan pelajar secara aktif semasa pengajaran dan pembelajaran.

2.3.9 PENERAPAN PERATURAN SEKOLAH KEPADA PELAJAR MELALUI BUKU GARIS PANDUAN

Kementerian Pelajaran Malaysia (1980) mengeluarkan kenyataan yang menunjukkan bahawa peraturan sekolah perlu dinyatakan kepada pelajar dengan jelas. Kebanyakan perbuatan melanggar peraturan sekolah berlaku disebabkan kerana pelajar tidak diterangkan kenapa peraturan itu perlu diadakan. Memandangkan bahawa mematuhi peraturan sekolah itu merupakan satu latihan disiplin yang baik kepada pelajar, maka adalah sangat mustahak segala peraturan di sekolah diterangkan kepada pelajar supaya mereka betul-betul saham dan mematuhi peraturan itu dengan penuh tanggungjawab.

Pihak sekolah hendaklah memastikan setiap pelajar mereka memahami dan berkesanggupan mematuhi peraturan sekolah. Pelajar perlu dibentangkan garis panduan

kepada mereka supaya mereka menyedari tanggungjawab mereka atau apa yang sepatutnya mereka lakukan sebagai pelajar sekolah. Dalam hal ini Hassan (1996) menyenaraikan garis panduan kepada pelajar untuk menghormati guru seperti menunjukkan rasa hormat kepada guru melalui pertuturan dan perlakuan, rendahkan suara apabila bertanya, bertutur atau berbincang dan mengajukan persoalan berkaitan pelajaran yang tidak difahami dengan penuh rendah diri. Pelajar juga disenaraikan garis panduan yang perlu dipatuhi semasa berada di dalam kelas seperti memulakan pembelajaran dengan menyebut nama Allah, memberikan tumpuan yang sama kepada guru dan mata pelajaran yang diajar tanpa menunjukkan reaksi bosan dan tidak bertanya dengan tujuan untuk menguji pengetahuan guru. Garis pandua ketiga ialah tanggungjawab pelajar terhadap kemudahan dan harta sekolah seperti menjaga kebersihan sekolah dan persekitarannya, menggunakan peralatan sekolah dengan rasa penuh tanggunagjawab dan menasihati kawan-kawan lain agar dapat bersama-sama menjaga harta benda dan kemudahan sekolah.

Kesimpulannya, pihak sekolah bukan sahaja perlu memastikan bahawa segala peraturan sekolah dinyatakan secara jelas kepada pelajar bahkan pihak sekolah hendaklah memberikan penerangan kepada pelajar sehingga mereka saham kepentingan peraturan yang ditetapkan serta mereka mempunyai kesanggupan untuk mematuhiinya.

2.3.10 PENERAPAN CIRI-CIRI PENTING KEGURUAN KEPADA GURU

Selain daripada pelajar, guru adalah terlebih dahulu perlu menghormati peraturan sekolah dan memastikan kekal dipatuhi agar menjadi teladan kepada pelajar dan meyakini mereka bahawa peraturan yang diadakan adalah demi kepentingan bersama untuk mengekalkan keharmonian masyarakat sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1983) menyenaraikan garis panduan kepada guru dalam tanggungjawab mereka terhadap pelajar agar lebih mengutamakan kebijakan dan keselamatan pelajar, bersikap adil, merahsiakan maklumat pelajar dan menjaga kekemasan diri yang dapat dicontohi oleh pelajar. Kementerian Pelajaran Malaysia (1983) juga mengeluarkan garis panduan kepada guru besar dan guru untuk menentukan tingkah laku itu salah seperti berikut :-

“ 2.5.2 Sebagai panduan am, mana-mana perbuatan yang ada kaitan dengan tingkah laku yang boleh mencederakan seseorang murid lain dan merosakkan masyarakat dan institusi-institusinya, bolehlah dilarang. Ianya boleh dan patut juga meliputi perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan tatakelakuan moral dan seksual yang telah diterima secara rasmi. Perbuatan-perbuatan yang bertujuan menyebabkan kecederaan fizikal pada harta benda dan yang mengganggu keselesaan orang lain adalah di antara perbuatan-perbuatan yang paling biasa dilarang oleh Guru Besar.”

Tajul Arifin (1990) menyenaraikan ciri-ciri penting keguruan. Di antaranya ialah:

- a) Seseorang guru mestilah cemerlang daripada segi prestasi akademiknya untuk menampilkan guru sebagai pemimpin ke arah kejayaan dan menjadi model kepada pelajar.
- b) Seseorang guru perlu memahami tugas-tugas mereka daripada segala aspek termasuk tugas rasmi di dalam bilik darjah dan hubungan

mereka dengan ibu bapa dan masyarakat serta memahami dengan betul perkembangan semasa tempatan dan nasional.

- c) Ciri yang penting sekali ialah guru memastikan untuk menegakkan kebenaran dan menghapuskan kemungkaran.

Jones (1995) pula mengutamakan persediaan awal seseorang guru dengan tugas mereka seperti mempunyai pengetahuan cukup dengan tugas mereka, kemahiran mengurus bilik darjah dan memahami latar belakang sosial pelajar mereka. Guru juga hendaklah mahir dalam merancang aktiviti dalam kelas, mengawal kelakuan pelajar dan menyampaikan pelajaran dengan berkesan kepada pelajar.

Ahmad Shalaby (1976) mengemukakan nasihat daripada Ibnu Muqaffa kepada orang yang menempatkan diri mereka sebagai imam/guru bagi masyarakat dalam bidang agama supaya mereka memulai mengajar diri sendiri serta membetulkannya dalam segala tindakan, fikiran dan kata-kata. Mengajar dengan memberi teladan itu lebih baik daipada mengajar dengan lidah.

Al-Ghazali (1988) menghendaki guru mencurahkan perhatian yang besar terhadap akhlak pelajar sebagaimana mereka berusaha untuk memajukan akal pelajar. Guru juga hendaklah berupaya menegah pelajar daripada kelakuan buruk dengan cara sindiran dan dilarang memberikan teguran secara langsung kecuali dalam sesuatu hal yang terpaksa.

Seseorang yang dapat mengajar dan mendidik diri sendiri adalah lebih berhak untuk dihormati dan dimuliakan daripada orang yang hanya mampu mengajar orang lain. Kenyataan ini selari dengan firman Allah Ta'ala yang bermaksud :

"Apakah kamu menyuruh orang lain berbuat baik, padahal kamu merupakan diri kamu sendiri ?" (al-Baqarah : 44).

Berdasarkan maksud ayat 44 surah al-Baqarah ini, Allah S.W.T. mengarahkan agar golongan pendidik perlu memastikan diri sendiri berada dalam keadaan yang baik sebelum menyuruh orang lain berbuat baik. Sekiranya peraturan-peraturan dirangka untuk pelajar mematuhi, maka peraturan-peraturan ke atas guru terlebih dahulu perlu dirangka dan diterapkan kepada guru untuk mereka mematuhi.

dalam kelas (15), datang lewat ke sekolah (18), Menunggang motorsikal di dalam kawasan sekolah (12) dan membuat kerja-kerja lain yang bukan akademik semasa guru mengajar (24) berbanding jenis-jenis salah laku yang lain iaitu tidak memakai lencana sekolah (2), bercakap semasa perhimpunan mingguan (6), pelajar lelaki berambut panjang (5), berkeliaran di koridor kelas (1), membuang pembungkus makanan di bawah pokok dekat kantin (2), membuang pembalut gula-gula di tangga sekolah (1), memakai kasut sukan (1), memakai tali pinggang besar tidak mengikut ukuran lebar sebenar – 2.5 sentimeter hingga 3.0 sentimeter (1), tidak memakai stokin (1) dan tidak memakai pakaian sukan semasa kelas Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (1).